



جامعة إسلام ماليزيا

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
Blok A & B, Kompleks Islam Putrajaya
No 23, Jalan Tunku Abdul Rahman
Presint 3, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8870 7000
Faks : 603-8870 7707
Portal Rasmi : www.islam.gov.my

Rujukan : JAKIM.100.1/1/1 (22)

Tarikh : ۱۲ Rabiulakhir 1442H
27 November 2020M

KEPADА SEMUA WARGA JAKIM

YBhg. Dato'/Tuan/ Puan,

LARANGAN PENGGUNAAN PENGARUH LUAR DAN SURAT SOKONGAN JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut seperti di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Dato'/ tuan/ puan, sejak kebelakangan ini didapati banyak surat sokongan yang menggunakan pengaruh luar bagi urusan-urusan melibatkan penempatan, pertukaran, permohonan jawatan kontrak dan sebagainya yang dikemukakan untuk mendapatkan pertimbangan dan kelulusan jabatan. Sehubungan itu, adalah diingatkan supaya semua warga JAKIM dapat mematuhi ketetapan sepertimana terkandung dalam **Garis Panduan Tindakan Ke Atas Sokongan Yang Diterima Daripada Pemimpin Kerajaan, Individu Berpengaruh atau Mana-mana Orang Mengenai Sesuatu Urusan Kerajaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri bertarikh 8 Mac 2010**.

3. Dalam hal ini, sekiranya YBhg. Dato'/ tuan / puan menggunakan surat sokongan atau pengaruh luar dalam apa-apa urusan yang melibatkan perkhidmatan kerajaan, YBhg. Dato'/ tuan / puan adalah tertakluk kepada **Peraturan 4(2)(h) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993** iaitu:

4(2) Seseorang pegawai tidak boleh-

(h) membawa atau cuba membawa apa-apa bentuk pengaruh atau tekanan luar untuk menyokong memajukan tuntutan berhubungan dengan perkhidmatan awam, sama ada tuntutannya sendiri atau tuntutan anggota-anggota perkhidmatan awam yang lain.

4. Perhatian dan kerjasama YBhg. Dato'/ tuan / puan dalam memastikan tanggungjawab sebagai penjawat awam yang berintegriti sentiasa diamalkan secara berterusan adalah sangat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



A handwritten signature in blue ink, appearing to read "AHMAD FUAD BIN APANDI".

(AHMAD FUAD BIN APANDI)
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)
b.p Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia